

Dr M ajak rakyat desa berkorban

JERANTUT, Jumaat — Penduduk kampung tradisional mestilah sanggup berkorban meninggalkan kampung asal mereka untuk menyertai projek kampung tersusun yang dirancangkan oleh kerajaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, mereka mestilah rela berbuat demikian untuk menikmati kemudahan yang disediakan di samping meningkatkan taraf hidup serta maruah masyarakat luar bandar, terutama di kampung-kampung tradisional.

"Kerajaan tidak berniat buruk atau mendabik dada kepada rakyat, tetapi rancangan kampung tersusun dilaksanakan kerana kerajaan menyedari kemiskinan yang dialami oleh rakyat luar bandar.

"Sebelum ini, kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan mengikut skim rancangan Felda, tetapi kemajuan kampung-kampung tradisional di pinggir rancangan berkenaan jauh ketinggalan," katanya.

Berucap merasmikan projek kampung tersusun dan bengkel perancangan di Kampung Pasir Durian, 50 kilometer dari sini petang tadi, beliau menje-

laskan, rakyat kampung tradisional hendaklah mengubah cara hidup tinggal berjauhan di kampung-kampung terpencil kepada satu kawasan kampung yang lebih tersusun.

Menurut Perdana Menteri, melalui cara itu akan memudahkan kerajaan membekal dan merancang kemudahan asas kepada mereka seperti bekalan elektrik, air dan bengkel industri kampung.

Kemudahan asas

"Kerajaan mempunyai jumlah wang yang terhad untuk membangunkan kawasan terpencil yang jauh antara satu sama lain.

"Oleh itu, apabila penduduk kampung berkenaan disatukan melalui projek kampung tersusun, kemudahan asas dapat disediakan dengan mudah di samping menjimatkan kawasan penempatan," tambahnya.

Beliau menyeru penduduk kampung tradisional mempertingkatkan daya usaha untuk mengubah corak hidup mereka agar setanding dengan masyarakat bandar dan rancangan Felda dengan menggunakan sumber alam yang ada di kawasan mereka.

Katanya, kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan asas kepada masyarakat luar bandar sebagai usaha mengubah nasib mereka.

"Usaha itu tidak memberi faedah jika rakyat tidak menggunakan sepenuhnya kemudahan asas yang disediakan itu seperti bengkel industri kampung yang dirancangkan mengikut projek kampung tersusun di seluruh negara.

"Barang-barang kraftangan hasil penduduk tempatan mendapat tempat yang baik di pasaran dunia. Malangnya, orang Melayu yang mengusahakan bahan itu hanya pandai menghasilkan mutu kerjatangan yang halus, tetapi tidak berupaya meningkatkan daya pengeluaran.

"Dengan terlaksananya projek kampung tersusun yang menitikberatkan penggunaan sumber tempatan itu, pengeluaran hasil kraftangan diharap dapat dipertingkatkan bagi menjamin pendapatan lumayan penduduk kampung tradisional," kata Datuk Seri Dr Mahathir.